

TERKINI UTAMA & SENSASI



By [Mahd Arshad](#) · 26/09/2022 · 0 · 65

Malaysia sedang menuju kepada sebuah negara tanpa tunai di mana urusan kewangannya termasuk membeli belah di pasar raya menggunakan pembayaran secara dalam talian.

#### Ikuti Mynewshub: [Telegram](#)

Kajian oleh Visa mendapati sebanyak 93 peratus pengguna di Asia Tenggara (SEA) mula menggunakan pelbagai kaedah pembayaran tanpa tunai.

ia termasuk kad, kad tanpa sentuh, teknologi mudah alih tanpa sentuh, dompet elektronik dan pembayaran kod QR untuk pelbagai urusan kewangan mereka.

Penemuan yang tertera dalam 'Consumer Payment Attitudes Study 2022 : Navigating A New Era In Payments' mendapati sikap ini diterajui oleh pengguna di Singapura (97 peratus), Malaysia (96 peratus), Indonesia (95 peratus).

Begitu juga dalam urusan percukaian apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam talian untuk orang ramai di negara ini.

Ia termasuk dalam urusan Borang Nyata (BN), penggunaan FPX sebagai Gateway untuk pengguna membayar cukai dan banyak lagi.

HASIL malah telah pun menghentikan penerimaan bayaran cukai menggunakan cek melalui kiriman mel (pos) atau kurier mulai 1 Januari 2021.

Namun, sehingga kini masih ada sebilangan pembayar cukai yang masih memilih untuk membayar cukai kepada HASIL bukan secara dalam talian.

Sebagai contoh masih ada majikan masih membuat bayaran secara tunai atau cek melalui kaunter bank atau Automated Teller Machine (ATM) di CIMB.

Meskipun tiada halangan untuk membayar cukai menggunakan kaedah tersebut, ia tidak menyokong kepada usaha menjadikan Malaysia sebuah negara tanpa tunai.

Malah kaedah tanpa tunai adalah lebih selamat kerana ia dapat mengurangkan risiko kehilangan wang secara fizikal mahupun ancaman jenayah.

Transaksi dalam talian juga mengelakkan daripada berdepan situasi kehilangan resit pembayaran yang amat penting jika terdapat sebarang isu berbangkit di masa depan.

Menurut perangkaan Bank Negara Malaysia, sejumlah 833.9 juta transaksi telah dibuat melalui perbankan Internet dari Januari sehingga Disember 2018.

Statistik menunjukkan bahawa transaksi perbankan mudah alih juga meningkat dalam tempoh 11 bulan pertama 2018 kepada 1.92

bilion.

Justeru, galakan untuk menguruskan urusan percukaian secara dalam talian wajar disambut baik oleh para pembayar cukai kerana ia selari dengan sasaran Malaysia tanpa tunai.

**-Mynewshub**